KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	26.02.22	MUKA SURAT	:	29
JABATAN	:	TNB			

TNB, MARii sepakat bina ekosistem kenderaan elektrik

Tenaga Nasional Bhd (TNB) menjalin kerjasama strategik dengan Institut Automotif, Robotik dan IoT Malaysia (MARii) bagi mewujudkan platform untuk menangani cabaran penggunaan kenderaan elektrik (EV) secara menyeluruh, seiring peralihan tenaga negara.

Kerjasama antara syarikat utiliti dengan agensi utama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) itu, bertunjangkan pembangunan bersama ekosistem EV, membolehkan pelaksanaan mobiliti sebagai satu perkhidmatan (MaaS) dan inisiatif berkaitan dalam pasaran automotif di Malaysia.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir Baharin Din, berkata dalam usaha menuju mobiliti rendah karbon sejajar peralihan tenaga negara, TNB mengambil langkah jelas menerokai bidang mobiliti elektrik yang memberi fokus kepada tenaga hijau, termasuk menyediakan infrastruktur EV.

"Semua usaha ini bakal meningkatkan impak pembangunan mesra alam dan kesejahteraan sejagat dengan keutamaan terhadap tahap alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) yang menjadi agenda TNB," katanya dalam satu kenyataan.

MoU berkenaan ditandatangani Ketua Pegawai Penyelesaian Perniagaan Global TNB, Ahmad Hushairi Ibrahim dan Ketua Pegawai Eksekutif MARii, Datuk Madani Sahari. Ia disaksikan Ahli Lembaga Pengarah TNB, Datuk Ir Nawawi Ahmad.

Baharin berkata, kerjasama itu menjadi satu lagi bukti komitmen TNB terhadap inisiatif kerajaan dalam mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG) sehingga 45 peratus menjelang 2030 yang turut menjadi sebahagian daripada Hala Tuju Kelestarian TNB ke arah pelepasan karbon sifar bersih pada 2050.

"Usaha ini bukan saja mengukuhkan keyakinan pelabur mengenai komitmen terhadap ESG dan inisiatif menangani perubahan iklim, malah menyediakan potensi langkah strategik pengembangan perniagaan melangkaui kWh," katanya.

Sementara itu, Madani berkata, sektor mobiliti masa depan bakal meluaskan rangkuman kepada sektor baharu yang sebelum ini tidak berkait dengan pembuatan kenderaan konvensional.

"Kerjasama adalah langkah ke hadapan menuju era mobiliti terhubung bermula dengan pembangunan ekosistem EV," katanya.

MoU itu juga memberi fokus terhadap pelaksanaan Projek Perintis EV Hab Langkawi yang menyokong visi sasaran Pulau Langkawi sebagai Pulau Rendah Karbon 2030.

> "TNB mengambil langkah jelas menerokai bidang mobiliti elektrik yang memberi fokus kepada tenaga hijau, termasuk menyediakan infrastruktur EV"

Ir Baharin Din, *Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB*

